

24/01/1999

Gerakan rayu kepada Kabinet

KUALA LUMPUR: Parti Gerakan akan mengemukakan rayuan kepada Kabinet supaya mengkaji semula keputusan menaikkan kadar tol di empat lebuh raya yang dijadual selepas perayaan Tahun Baru Cina ini.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata isu kenaikan kadar tol itu mendapat reaksi serta ditimbulkan oleh pemimpin tertinggi parti dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC), semalam.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu, Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, Gerakan akan memberi sokongan penuh apa saja keputusan yang dicapai berhubung isu itu.

"Oleh kerana pemimpin parti telah membangkitkan isu ini, saya patut mengemukakannya ke mesyuarat Kabinet akan datang.

"Beberapa pemimpin tertinggi parti, khususnya dari Kuala Lumpur dan Selangor telah menyatakan pendapat serta memberi maklum balas mengenai isu tol ini," katanya.

Minggu lalu, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kerajaan menanggukkan kenaikan kadar tol bagi empat lebuh raya, yang sepatutnya bermula 1 Januari lalu, sehingga selepas perayaan Tahun Baru Cina, bulan depan.

Katanya, Kabinet sudah bersetuju dengan kadar kenaikan yang dicadangkan tetapi pelaksanaannya hanya akan dilakukan selepas Tahun Baru Cina ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa lalu menjelaskan kerajaan terpaksa menaikkan kadar tol untuk mengelak daripada membayar pampasan 100 peratus kepada pemegang konsesi lebuh raya seperti disyaratkan dalam perjanjian.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan kenaikan tol itu tidak akan membebankan pengguna lebuh raya.

(END)